

LASTUSS COUGH SYRUP

Dextromethorphan Hydrobromide (30mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan LASTUSS
2. Bagaimana LASTUSS berfungsi
3. Sebelum menggunakan LASTUSS
4. Cara menggunakan LASTUSS
5. Semasa menggunakan LASTUSS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LASTUSS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan LASTUSS

Untuk batuk kering dan batuk tidak kahak

Bagaimana LASTUSS berfungsi

Dextromethorphan menghalang batuk yang berterusan.

Sebelum menggunakan LASTUSS

- Bila tidak boleh menggunakan

- Hipersensitiviti kepada Dextromethorphan
- Batuk yang berterusan atau batuk jangka panjang disertai dengan rembesan yang berlebihan
- Bagi orang yang menerima monoamine-oxidase inhibitor
- Kemerosotan fungsi hati

- Sebelum menggunakan LASTUSS

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda .

- Jika anda hamil atau menyusukan anak
- Jika anda mengambil alkohol.
- Jika anda tidak bertoleransi kepada beberapa gula.
- Jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan lain.
- Dextromethorphan tidak sesuai digunakan dalam kalangan kanak-kanak yang berumur di bawah 2 tahun.
- Dextromethorphan harus digunakan dengan berhati-hati dan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak yang berumur di antara 2 hingga 6 tahun.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Alkohol dan ubat yang menyebabkan penekanan sistem saraf harus dielakkan apabila mengambil dextromethorphan

Cara menggunakan LASTUSS

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 sudu teh
Kanak-kanak (6-12 tahun): 1 sudu teh
Kanak-kanak (2-6 tahun): setengah sudu teh atau seperti yang diarahkan oleh doktor

- Bila perlu digunakan

Untuk diambil dua kali sehari atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat.

Simptom lebih-dos dextromethorphan termasuk rasa mual, muntah, mengantuk, pening, penglihatan yang kabur, pergerakan mata tidak terkawal, kekurangan koordinasi otot, pernafasan cetek,, tidak dapat membuang air kecil ,tidak sedar diri, psikosis disebabkan bahan kimia atau ubat dan koma.

Semasa menggunakan LASTUSS

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada

semua doktor,doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan LASTUSS Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi LASTUSS dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Goncang sebelum digunakan.

Kesan-kesan sampingan

Loya sekali-sekala, mengantuk dan pening kepala

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan LASTUSS

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin, gelap di bawah 30°C.

- Pelupusan

Jangan gunakan ubat anda selepas tarikh yang ditunjukkan sebagai tarikh luput pada bungkusan.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

LASTUSS COUGH SYRUP

Dextromethorphan Hydrobromide (30mg/5ml)

Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampaian berwarna oren, berperisa yang sedap, mempunyai rasa yang manis

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Dextromethorphan

- Bahan tidak aktif

Colloidal Silicon Dioxide, Butylated Hydroxy Toluene , Butylated Hydroxyanisole, Anhydrous Citric Acid, Propylene Glycol , Orange Sweet, Purified Water , Sucrose , Sorbitol Solution, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Colour Sunset Yellow FCF, Polysorbate 80 , Xanthan Gum.

- Nombor MAL

MAL19972991AZ

Pengilang

FDC Limited
B-8, MIDC Industrial area,
Waluj, Aurangabad – 431 136,
Maharashtra

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn Bhd
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/05/2018

Serial number:

NPRA(R4/1)150518/00147